

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 APRIL 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

### TNB meterai MoU inisiatif tenaga hijau

# TNB meterai MoU inisiatif tenaga hijau

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan S P Setia Berhad (S P Setia) untuk menyediakan solusi tenaga pintar dan tenaga boleh bahan (RE) sebagai sumber utama elektrik masa hadapan kepada bakal pemilik kediaman dan bangunan komersial yang dibangunkan syarikat penaung harta tanah itu.

Melalui kerjasama tersebut, pemasangan sistem solar PV di atas bumbung, pemasangan penggecasan kenderaan elektrik (EV) dan persediaan pemasangan solusi bateri bakal dilaksanakan dalam projek pembangunan kediaman serta komersial S P Setia pada masa depan.

Ketua Pegawai Runcit TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, menerusi kerjasama tersebut, ia akan membolehkan rumah baharu yang dibina dilengkapi dengan panel solar tersebut.

"Maknanya, pada hari pertama pengguna menduduki rumah masing-masing maka mereka juga telah mendapat manfaat bumbung solar.

**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) if Penggunaan Tenaga Hijau Dalam Pembangunan Dan Kediaman**

Antara

S P Setia Berhad & Tenaga Nasional Berhad

12 April 2022



**MUSTAPA** (lima dari kiri) pada majlis menandatangani MoU antara TNB dengan S P Setia di Putrajaya semalam.

"TNB akan dapat melibatkan diri pada peringkat yang lebih awal bagi memastikan peluang yang lebih tinggi untuk menjadi pembekal solusi kepada S P Setia.

"Berbekalkan pengalaman dan kepakaran yang ada, TNB yakin

mampu memanfaatkan 41 projek aktif S P Setia dan mengesyorkan produk yang relevan dengan teliti mengikut keperluan syarikat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani MoU

antara TNB dengan S P Setia di sini semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapha Mohamed; Pengurus S P Setia Berhad, Tan Sri Syed Anwar Jamalullali dan

Ketua Pegawai Eksekutif S P Setia Berhad, Datuk Choong Kai Wal.

Dalam pada itu, Kai Wal berkata, S P Setia menyasarkan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM4 billion untuk tahun ini yang mana Kumpulan bercadang menyediakan kemanduan solusi tenaga pintar dalam projek pembangunan akan datang.

"Ini merupakan satu pencapaian dalam kerjasama untuk menyediakan solusi tenaga mampam kepada bakal pemilik harta tanah kami di masa hadapan dengan potensi penjimatkan ketara dalam penggunaan tenaga sebagaimana nila tambah," katanya.

Sementara itu, Mustapha menjelaskan, kerjasama entiti berkewajipan menggambarkan komitmen yang kuat antara kedua-dua pihak terhadap tenaga hijau dalam menyokong usaha ke arah Net Zero seawal-awalnya menjelang tahun 2050.

"Ia adalah satu inisiatif istimewa yang menemuka dua entiti berbeza dalam bidang industri tenaga dan perumahan.

"Mereka berganding bahu + demi matlamat bersama yang membawa kebaikan kepada negara," ujarnya.